

# Rayuan akhir Najib kekal 15 Ogos

UM - 30/7/2022

m/s: 13

Oleh SUWARNI MOKHTAR

utusannews@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Mahkamah Persekutuan menolak permohonan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak untuk menangguhkan pendengaran rayuan akhirnya berhubung sabitan salah serta hukuman penjara dan denda berkait dengan penyelewengan dana RM42 juta milik SRC International Sdn. Bhd.

Berdasarkan surat oleh Pejabat Pendaftar Mahkamah Persekutuan yang dilihat media hari ini, mahkamah turut menyarankan agar pihak-pihak yang terlibat mengambil langkah sewajarnya dan bersedia untuk pendengaran rayuan itu.

“Mahkamah ingin menegaskan tiada penangguhan akan dibenarkan dan pihak-pihak dikehendaki mengambil langkah sewajarnya serta bersedia bagi pendengaran rayuan-rayuan tersebut.

“Pihak-pihak juga dikehendaki mematuhi arahan-arahan yang telah diberikan pada tarikh-tarikh pengurusan kes



**Pada 15 Ogos itu juga, barisan peguam bela baru Najib akan memohon penangguhan bagi permohonan untuk memasukkan bukti baharu berkaitan hakim bicara kes tersebut...**

yang lalu,” ujar surat tersebut.

Sehubungan itu, pendengaran rayuan yang bermula 15 Ogos ini akan berjalan seperti yang dijadualkan.

Bagaimanapun, menurut, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Ashrof Adrin Kamarul, barisan peguam baharu yang mewakili Ahli Parlimen Pekan itu cuba untuk membuat satu lagi permoho-

nan penangguhan pendengaran rayuan itu pada hari pertama pendengaran rayuan itu.

Pada 15 Ogos itu juga, barisan peguam bela baru Najib akan memohon penangguhan bagi permohonan untuk memasukkan bukti baharu berkaitan hakim bicara kes tersebut, Datuk Mohd. Nazlan Mohd. Ghazali yang kini merupakan Hakim Mahkamah Rayuan.

Mohd. Ashrof memaklumkan demikian ketika dihubungi media selepas pengurusan kes itu di hadapan Timbalan Pendaftar Kanan Mahkamah Persekutuan, Wan Fatimah Zahara Wan Yussof dan Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan, Siti Hajar Mustaffa.

Hadir pada prosiding yang dijalankan secara dalam talian itu ialah peguam Hisyam Teh Poh Teik, Liew Teck Huat dan Rueben Mathiavararam mewakili Najib manakala selain Mohd. Ashrof, Timbalan Pendakwa Raya adhoc, Datuk V. Sithambaram turut hadir bagi pihak pendakwa.

Peguam-peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan Rahmat Hadzlan yang sebelum ini mewakili Najib turut hadir pada prosiding hari ini untuk perkara-perkara berkaitan penyerahan dokumen daripada firma guaman, Tetuan Shafee & Co. kepada firma guaman Tetuan Zaid Ibrahim, Suflan TH Liew & Partners (ZIST).

Pada 25 Julai lalu, Najib melalui sepucuk surat telah menamatkan perkhidmatan firma guaman, Tetuan Shafee & Co, peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah dan seluruh pasukan pembelaannya sebelum melantik ZIST.

Perkara tersebut dimaklumkan oleh firma guaman Shafee & Co kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan keesokan harinya.

Pada 26 Julai, ZIST dalam sepucuk surat kepada Timbalan Pendaftar Mahkamah Persekutuan memaklumkan sekaligus mengesahkan firma guaman tersebut telah dilantik oleh Najib untuk mewakilinya pada pendengaran rayuan akhir tersebut.